

# Kegiatan Komunisme dan Pengisytiharan Darurat di Persekutuan Tanah Melayu

Gerakan komunis mula dikesan di Tanah Melayu pada sekitar awal tahun 1920-an kesan pengaruh pergerakan komunis di China dan di Indonesia. Pada ketika itu, tidak ada pertubuhan yang tersusun diwujudkan hinggalah pada 20 April 1930 apabila Parti Komunis Malaya (PKM) ditubuhkan. Sejak ditubuhkan, PKM mempunyai matlamat untuk mewujudkan sebuah negara komunis di Tanah Melayu. Mereka mengatur strategi dan menyebarkan dakyah dalam kalangan penduduk Cina terutamanya golongan buruh. Era 1930-an menyaksikan pelbagai mogok dan demonstrasi dilakukan oleh pekerja Cina yang didalangi oleh PKM berlaku di Tanah Melayu. PKM sememangnya mahu keadaan menjadi kacau bilau supaya mereka dapat merebut peluang untuk mengambil alih pentadbiran Tanah Melayu daripada pihak British.

**M**eskipun pada dasarnya PKM dan British tidak sehaluan, namun apabila era pendudukan Jepun bermula di Tanah Melayu pada tahun 1948, PKM memutuskan untuk bekerjasama dengan British menerusi pembentukan *Malayan People's Anti-Japanese Army* (MPAJA) atau "Bintang Tiga." Kerjasama ini terjalin atas keperluan ketenteraan dengan matlamat menewaskan Jepun. Selepas Jepun menyerah kalah pada 15 Ogos 1945, PKM yang semakin berpengalaman mengambil kesempatan untuk berkuasa menerusi gerila MPAJA. British yang semakin curiga dengan tindak-tanduk mereka kemudian membubarkan MPAJA pada 1 Disember 1945. PKM menjadi semakin agresif apabila menimbulkan kekacauan di Persekutuan Tanah Melayu. British kemudiannya mendakwa PKM merupakan dalang dalam insiden serangan ke atas tiga orang pengurus estet di Sungai Siput, Perak, pada tahun 1948. Keadaan ini menjadi pemangkin kepada keputusan British untuk mengisytiharkan darurat di Sungai Siput pada 16 Jun 1948. Dua hari kemudian, iaitu pada 18 Jun 1948, seluruh Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan darurat sebagai usaha untuk menangani pengaruh PKM.

Pengisytiharan Undang-undang Darurat telah memberikan beberapa kuasa khas kepada kerajaan dalam pelbagai aspek untuk mengatasi dan menyelesaikan gerakan bersenjata komunis. Kuasa yang luas ini membolehkan kerajaan menjalankan penangkapan dan pemeriksaan tanpa waran, penahanan tanpa perbicaraan, pengawalan pergerakan penduduk, pengawalan pengedaran makanan dan lain-lain lagi. Jeneral Sir Gerald Templer, Pesuruhjaya Tinggi British telah melaksanakan pelbagai strategi antaranya termasuklah memindahkan orang Cina yang tinggal di pinggir kampung ke penempatan yang baharu dibuka bagi menyekat bantuan yang diberikan oleh mereka kepada PKM. Kerajaan turut memperkenalkan kawasan hitam dan putih serta mengambil langkah menambah kekuatan pasukan keselamatan, menguatkuasakan peraturan pendaftaran kebangsaan dan penggunaan kad pengenalan serta menubuhkan pengawal kampung atau *home guard* dalam usaha untuk melumpuhkan kekuatan PKM.

Akibat kesukaran dan kekurangan sokongan daripada penduduk Persekutuan Tanah Melayu, PKM telah meminta rundingan diadakan. Rundingan ini dikenali sebagai Rundingan Baling. Rundingan Baling


diadakan selama dua hari bermula pada 28 Disember 1955, melibatkan wakil Persekutuan Tanah Melayu dengan wakil PKM di Sekolah Inggeris, Baling, Kedah. Persekutuan Tanah Melayu diwakili oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Ketua Menteri; Encik David Marshall, Ketua Menteri Singapura dan YBhg. Dato' Sir Tan Cheng Lock, Presiden Persatuan Cina Malaya (MCA). PKM pula diwakili oleh Chin Peng, Setiausaha Agung PKM; Chen Tien, Ketua Propaganda PKM dan Abdul Rashid Maidin, ahli PKM. Rundingan ini berakhir dengan kegagalan kerana permintaan PKM agak keterlaluan dan tidak realistik.

Perjuangan melawan komunis berterusan sehinggalah proklamasi bagi memansuhkan Ordinan Peraturan Darurat 1948 ditandatangani oleh YTM Tunku pada 29 Julai 1960 di Bilik Kabinet, Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur. Perisytiharan rasmi pemansuhan darurat pula dibacakan oleh DYMM Sultan Hisamuddin Alam Shah Ibni Almarhum Sultan Alaidin Sulaiman Shah, Yang di-Pertuan Agong di Kuala Lumpur, pada 31 Julai 1960. Maka itu, melalui pemansuhan ini, segala peraturan yang

dibuat di bawah Ordinan Peraturan Darurat 1948 telah terbatal dan anasir komunis telah berjaya dihapuskan oleh kerajaan.

Tempoh 12 tahun darurat di Persekutuan Tanah Melayu merupakan tempoh yang menyeksakan. Penderitaan yang dialami bukan hanya kekejaman dan kezaliman PKM, tetapi ketiadaan kebebasan untuk menjalani kehidupan seharian. Setiap pergerakan diawasi dan pematuhan terhadap undang-undang yang ketat dikenakan. Pada hari ini, kita bertuah kerana situasi ini tidak berlaku lagi. Sewaktu pandemik COVID-19 melanda negara, kita berhadapan dengan perintah darurat, namun tidak seteruk yang berlaku sewaktu darurat komunis. Kita harus bersyukur dengan kebebasan yang diberikan pada hari ini. Sebagai rakyat Malaysia, penting untuk kita mempertahankan dan mengekalkan keamanannya.

Untuk mengetahui maklumat ini dengan lebih lanjut, bolehlah membuat carian melalui <https://ofa.arkib.gov.my> dan <http://hids.arkib.gov.my>.



(Dari kiri) Encik David Marshall, YTM Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dan YBhg. Dato' Sir Tan Cheng Lock sewaktu Rundingan Baling diadakan pada 28 dan 29 Disember 1955 di Sekolah Inggeris, Baling, Kedah. (Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2001/0026707)